

## Empat didakwa buat tuntutan palsu PENJANA

**Kuala Lumpur:** Dua ahli perniagaan antara empat didakwa di Pahang dan Kedah atas kesalahan membuat tuntutan palsu untuk dana Program Penjana Kerjaya (PENJANA) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Dua ahli perniagaan terbabit, Arabath Ali Arul Alavudeen, 36, dan Mohmmmed Ismail R P Mohd Ibrahim, 62, didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan, manakala dua lagi membabitkan pasangan suami isteri di Mahkamah Sesyen Alor Setar.

Berdasarkan pertuduhan, Arabath Ali dan Mohmmmed Ismail didakwa atas dua pertuduhan kerana membuat tuntutan palsu berjumlah RM43,600 tiga tahun tahun, namun masing-masing mengaku tidak bersalah.

Berdasarkan pertuduhan pertama, mereka didakwa mengemukakan permohonan dengan butiran palsu mengandungi 17 senarai nama pekerja syarikat Is Catering Sdn Bhd bagi mendapatkan insentif berjumlah RM27,200 sedangkan individu terbabit tidak pernah memohon

kerja di syarikat berkenaan.

Tertuduh juga didakwa melakukan kesalahan sama apabila sekali lagi memberikan 10 senarai nama dengan niat mendapatkan insentif berjumlah RM16,400.

Kedua mereka dituduh mengikut Seksyen 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

### Jaminan RM18,000

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain menetapkan jaminan RM18,000 untuk setiap tertuduh dan sebutan semula kes pada 27 Februari depan.

Di Alor Setar pula, pasangan suami isteri didakwa mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi program PENJANA membabitkan jumlah hampir RM30,000 dua tahun lalu.

Anuar Che Lat, 53 dan isteri, Rohana Othman, 55, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mereka didakwa melakukan



Arabath Ali (depan) dan Mohmmmed Ismail dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

kesalahan itu antara Mac hingga Ogos 2021 di Wisma PERKESO di Jalan Teluk Wan Jah di Alor Setar dan didakwa mengikut mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Salizawaty Abd Samad, manakala tertuduh diwakili peguam Rahamathullah Baharudeen.

Hakim kemudian menetapkan

kedua-dua tertuduh diikat jamin RM42,000 seorang dengan seorang penjamin, manakala 27 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan penyerahan dokumen.